

## SIARAN AKHBAR

Behagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### Tabung Haji Anjur Kursus Perdana Haji Musim 1438H/2017M Peringkat Negeri Sembilan

**SEREMBAN, Sabtu, 15 Julai 2017:** Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menganjurkan Kursus Perdana Haji Musim 1438H/2017M peringkat Negeri Sembilan bermula Sabtu, 15 Julai 2017 sehingga esok, 16 Julai 2017.

Majlis perasmian Kursus Perdana Haji Musim 1438H/2017M Peringkat Negeri Sembilan ini disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan bertempat di Masjid Kariah Taman Paroi Jaya, di sini. Kursus ini melibatkan lebih daripada **1,500 orang peserta** di seluruh Negeri Sembilan. Turut hadir pada majlis tersebut, YBhg. Datuk Seri Johan Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**.

Kursus Perdana Haji yang diadakan secara berperingkat di **17** lokasi seluruh Negara bermula pada **7 Julai sehingga 16 Julai 2017** ini merupakan kursus terakhir dianjurkan **TH** dalam usaha meningkatkan tahap pengetahuan jemaah haji berkaitan ibadah haji terutamanya dari segi praktikal serta platform untuk memberikan maklumat terkini sebelum mereka berangkat ke Tanah Suci.

Kursus ini dijalankan dengan bimbingan dan tunjuk ajar oleh lebih **120 orang** Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) Negeri / Daerah dan Pembimbing Ibadat Haji (PIHTAS) yang memperolehi pentauliahahan khas Mengajar Haji dan Umrah daripada **TH**. Kursus ini turut diselia lebih **660 orang** petugas haji yang akan bertugas di Tanah Suci.

Bakal jemaah diberikan pendedahan melaksanakan ibadat haji melalui latihan amali secara simulasi seperti bertawaf, saie, melontar jamrah serta amalan dan beribadah secara berkumpulan. Simulasi secara berkumpulan ini memberikan pendedahan terhadap situasi di Tanah Suci yang akan dikunjungi oleh jutaan umat Islam dari seluruh dunia.

Selain Kursus Perdana Haji, **TH** juga turut melaksanakan beberapa kursus haji seperti Kursus Asas Haji, Kursus Intensif Haji dan Kursus Khas Haji bagi warga emas. Kursus-kursus ini merupakan antara program pendidikan dan bimbingan yang disediakan oleh **TH** secara percuma dalam membantu meningkatkan pengetahuan khususnya ibadah haji kepada bakal jemaah Malaysia. Penganjuran kursus-kursus ini melibatkan anggaran kos **RM5 juta** seluruh Negara dan merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) **TH**.

Selain daripada itu, bakal jemaah haji juga dinasihatkan untuk membuat segala persediaan lain untuk ke Tanah Suci seperti memantapkan stamina diri dengan melakukan aktiviti riadah dan kecergasan, penjagaan kesihatan melalui pemakanan dan pengambilan vitamin serta penyediaan barangan keperluan yang mencukupi seperti yang disarankan oleh **TH**. Sepanjang berada di Tanah Suci, bakal haji juga dinasihatkan untuk mematuhi peraturan oleh **TH** dan pihak kerajaan Arab Saudi demi kebaikan bersama.

-Tamat-

\*Untuk senarai penuh lokasi dan tarikh penganjuran Kursus Perdana Haji seluruh negara, sila rujuk lampiran.

## **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.

## LAMPIRAN

### JADUAL KURSUS PERDANA HAJI MUSIM HAJI 1438H/ 2017M

BIL	TARIKH	NEGERI/ TEMPAT
1.	07 Julai 2017 - 08 Julai 2017 (Jumaat-Sabtu)	<b>JOHOR</b> Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn
2.	07 Julai 2017 - 08 Julai 2017 (Jumaat-Sabtu)	<b>TERENGGANU</b> Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu
3.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>PAHANG</b> Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan
4.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b> Masjid Khalid Al-Walid, Jln Pdg Tembak
5.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>MELAKA</b> Masjid Al-Alami MITC, Ayer Keroh
6.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>PERAK</b> Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar
7.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>SABAH (Zon Pantai Barat)</b> Universiti Malaysia Sabah
8.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>PERLIS</b> Institut Kemahiran Mara, Beseri
9.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>SARAWAK Zon Selatan (Kuching, Samarahan &amp; Sri Aman)</b> Dwn Jubli UiTM Kampus Samarahan (Kampus 1) Kota Samarahan
10.	08 Julai 2017 - 09 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>SELANGOR</b> Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri) Shah Alam
11.	14 Julai 2017 - 15 Julai 2017 (Jumaat-Sabtu)	<b>KELANTAN</b> Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian
12.	14 Julai 2017 - 15 Julai 2017 (Jumaat-Sabtu)	<b>KEDAH</b> Dewan Wawasan, Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu Jitra
13.	15 Julai 2017 - 16 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>NEGERI SEMBILAN</b> Masjid Kariah Taman Paroi Jaya, Seremban
14.	15 Julai 2017 - 16 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>SARAWAK Zon Tengah (Sarikei, Sibul &amp; Mukah)</b> Masjid An-Nur Sibul
15.	15 Julai 2017 - 16 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>SARAWAK Zon Utara (Limbang, Miri &amp; Bintulu)</b> Masjid Darul Istiqamah, Kampong Luak, Miri
16.	15 Julai 2017 - 16 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>PULAU PINANG</b> Dewan Millenium, Kepala Batas
17.	15 Julai 2017 - 16 Julai 2017 (Sabtu-Ahad)	<b>SABAH (Zon Pantai Timur)</b> Masjid Al-Kauthar Tawau

\*Bakal Haji mohon menghubungi wakil **TH** berkaitan surat panggilan haji dan menyemak dengan pejabat **TH** cawangan terdekat untuk maklumat terkini.